



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : TAKAFUL
KOD KURSUS : DPI2113
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:
BAHAGIAN A (15 Markah)
BAHAGIAN B (25 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA BELAS (15)**soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Fungsi utama takaful adalah untuk
 - A. Menyediakan modal
 - B. Menyediakan peluang pekerjaan
 - C. Memberi manfaat kepada beberapa orang yang kurang bernasib baik melalui sumbangan daripada orang ramai (*tabaru'*)
 - D. Menyediakan perkhidmatan sosial

2. Yang manakah diantara berikut bukan tugas seorang ejen insurans?
 - A.Ejen mendorong tabiat menyimpan di kalangan masyarakat
 - B.Ejen membuat tuntutan palsu supaya penuntut memperoleh sebahagian wang.
 - C.Ejen meringankan beban kewangan pencarum sekiranya berlaku kerugian harta
 - D.Ejen meringankan beban kewangan tanggungan pencarum yang mungkin bertemu dengan kematian yang tidak menentu

3. Sebab berlakunya sesuatu kerugian dikenali sebagai
 - A. Kebetulan
 - B. Peril
 - C. Risiko
 - D. Hazard

4. Yang manakah di antara berikut bukan cara mengendalikan risiko insurans :
 - A.Pengelakan risiko
 - B. Peril
 - C. Risiko
 - D. Hazard

5. Yang manakah di antara berikut bukan ciri-ciri risiko insurans?
- A. Bilangan besar risiko yang sama
 - B. Premium yang berpatutan
 - C. Kepentingan boleh insurans
 - D. Bertentangan dengan polisi umum
6. Apabila berlaku kerugian, tanggungjawab membuktikan kerugian berdasarkan kepada:
- A. Ejen
 - B. Insured
 - C. Insurer
 - D. Adjuster kerugian
7. Berikut merupakan kesan pelanggaran prinsip penuh percaya mutlak pada pihak insured
- A. Tidak mempunyai sebarang akibat atas kontrak
 - B. Akan menyebabkan kontrak terbatal atas pilihan insurer
 - C. Membuatkan ejen bertanggungjawab
 - D. Membuatkan pihak pencarum bertanggungjawab
8. Menurut prinsip indemniti, amaun bayaran untuk kerugian atau kerosakan
- A. Adalah terhad kepada jumlah sebenar kerugian atau kerosakan tertakluk kecukupan jumlah diinsuranskan.
 - B. ialah jumlah yang diinsuranskan
 - C. Adalah terhad kepada amaun sebenar kerugian atau kerosakan TIDAK kira jumlah yang diinsuranskan
 - D. Tiada satu pun di atas
9. Di dalam perniagaan perkongsian, _____ akan menanggung kerugian yang dialami oleh syarikat
- A. Pihak ketiga
 - B. Pemegang polisi
 - C. Pihak awam
 - D. Pengarah-pengarah

10. Mereka yang tidak berkemampuan dari segi undang-undang untuk memasuki sesuatu kontrak ialah seorang
- A. Pekerja kontrak
 - B. Minor
 - C. Tua
 - D. Pekerja
11. Manakah di antara berikut tidak dilindungi di dalam Insuran Am?
- A. Insurans motor
 - B. Insurans penerbangan
 - C. Insuran kenderaan motor
 - D. Hilang upaya
12. Siapakah yang perlu bersikap "Penuh Percaya Mutlak" di dalam sesuatu kontrak insuran hayat ?
- A. Hanya pihak insurer sahaja
 - B. Hanya pihak insured sahaja
 - C. Pihak insured dan insurer
 - D. Pihak ejen sahaja
13. Hak sah di bawah polisi insurans hayat boleh dipindahkan oleh pemegang polisi kepada :
- A. Pasangan
 - B. Pemiutang
 - C. Penghutang
 - D. Sesiapa sahaja
14. PIAM merujuk kepada_____
- A. Persatuan Insuran dan Ejen Malaysia
 - B. Persatuan Ejens Insurans Hayat
 - C. Persatuan Insuran Am Malaysia
 - D. Tiada satupun di atas

15. Yang manakah di antara berikut bukan prinsip insurans?

- A. Kepentingan boleh insurans
- B. Kebakaran
- C. Indemniti
- D. Subrogasi

[15 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Bincangkan **DUA (2)** tujuan melanggan takaful (5 markah)

SOALAN 2

Terangkan secara ringkas istilah berikut

- i) *Physical hazard* (2.5 markah)
- ii) *Morale hazard* (2.5 markah)

SOALAN 3

Rungutan dan aduan pencarum kepada agen merupakan satu perkara yang perlu di ambil berat oleh syarikat insuran. Terangkan **DUA (2)** jenis aduan yang biasa kita dengar (5 markah)

SOALAN 4

Bincangkan **DUA (2)** keburukan yang diterima oleh pencarum sekiranya membatalkan polisi lebih awal dari tempoh matang. (5 markah)

SOALAN 5

Terangkan secara ringkas "objektif sebelum" bagi pengurusan risiko (5 markah)

SOALAN 6

Terangkan Institut Insuran Malaysia (Malaysian Insurance Institute – MII) (5 markah)

[25 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Insuran mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi Negara.
Berdasarkan kenyataan di atas :

Huraikan **LIMA (5)** peranan insuran dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara
(10 markah)

SOALAN 2

Terangkan mengenai kontrak syariah di bawah takaful (10 markah)

SOALAN 3

Bincangkan proses pengurusan risiko.
(10 markah)

SOALAN 4

Huraikan mengenai:

- I) Prinsip subrogasi (5 markah)
- II) Prinsip sebab yang terhampir (5 markah)

SOALAN 5

Jelaskan mengenai struktur borang cadangan (10 markah)

SOALAN 6

Secara umumnya terdapat elemen-elemen penting bagi pembentukan kontrak yang sah.
Huraikan **LIMA (5)** elemen tersebut.
(10 markah)

SOALAN 7 (10 MARKAH)

Huraikan **LIMA (5)** persatuan insuran di Malaysia. (10 markah)

[60 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

